

Ratinawati
Rasidi
ratinawati@bharian.com.my



Masalah air bakul jadi 'bencana

Berita HARJAN

Selangor perlu belajar daripada pengalaman Melaka berdepan krisis 1991 ji

Siri Pertama

BAGAIMANA penstrukturan semula bekalan air negara direalisasikan? Kerajaan berdepan pelbagai cabaran besar kerana kurang mendapat kerjasama pihak terbabit sehingga timbul banyak masalah. Kurang kefahaman atau sengaja tidak mahu memahami pentingnya penstrukturan semula menjadi kekangan utama.

Penstrukturan memerlukan sokongan dan pengorbanan semua pihak. Kerajaan dipertanggungjawabkan tetapi tidak bermaksud sebagai warga negara, kita tidak memainkan peranan kerana faedahnya bakal dirasakan bersama. Menjadi stigma dalam kalangan masyarakat yang melabel semua tanggungjawab pembangunan terletak di bahu kerajaan. Hingga ada yang lupa sebagai rakyat, kita mempunyai peranan demi memastikan apa yang dirancang dapat direalisasikan. Sekalipun peranan itu kecil saja.

Dalam soal air, kerajaan menyedari sistem pengurusan yang lemah hingga timbul pelbagai masalah. Langkah pertama kerajaan menggubal undang-undang bagi membolehkan pengambilalihan kuasa pengurusan daripada kerajaan negeri. Hasilnya, Akta Industri Perkhidmatan Air dan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) diperkenalkan.

Keputusan itu membabitkan pindaan Perlembagaan Persekutuan pada 17 Januari 2005. Tujuannya tidak lain hanya mahu memindahkan kuasa mengurus air daripada kerajaan negeri kepada Kerajaan Pusat. Tindakan itu ada kewajarannya kerana negara memerlukan sistem pentadbiran dan perkhidmatan air yang terancang, telus pelaksanaannya, dikawal selia serta peningkatan sistem mengikut keperluan semasa.

Langkah itu dibuat kerana tidak mahu mana-mana negeri berdepan masalah air yang akhirnya menyusahkan rakyat. Sedang kerajaan dalam usaha mengambil alih pengurusan air timbul pula masalah yang dilihat bakal mengganggu pelan asal naik taraf sistem perkhidmatan air negara.

Isu membabitkan bekalan air mentah dari Pahang ke Selangor; Mengurus bekalan Air Tidak Terhasil (Non-Revenue Water-NRW); Pembekuan penukaran dan penyelenggaraan paip lama dan berbagai-bagai masalah lagi.

Situasi ini kian meruncing saban tahun. Belum pun selesai penyelenggaraan dan pengurusan paip, timbul pula krisis simpanan air tidak mencukupi di Selangor dan Lembah Klang. Sikap Kerajaan Selangor enggan memberi laluan kepada Projek Bekalan Air Mentah Pahang Selangor, menjadi punca utama.

Sepatutnya rakyat didahulukan. Sekalipun kerajaan pakatan pembangkang memberi percuma 20 meter padu pertama air, sedarkah mereka ada kos yang perlu ditanggung.

Pelbagai fakta didedahkan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air betapa kritikalnya masalah simpanan air negeri itu. Kerajaan berusaha memastikan bekalan air tidak putus menjelang 2014. Malangnya, ia dipersenda Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, yang yakin dengan fakta lain mengatakan simpanan air mampu bertahan sehingga 2019. Jika pendirian beliau tidak berubah rakyat di Selangor dan Kuala Lumpur bakal menerima padah.

Persoalannya, sekalipun simpanan air mampu bertahan seperti didakwa, adakah perlu menunggu 'kepala terhantuk baru hendak tergedah'. Apakah penduduk di kedua-dua negeri itu perlu mengulangi keperitan dirasakan pada 1998? Masalah berpunca kelewatan merancang bekalan air tambahan. Sekalipun menemui jalan penyelesaiannya iaitu pembinaan loji di Bukit Badong dengan kemampuan bekalan 900 juta liter air sehari tetapi berapa lama ia mampu bertahan.

Bekas Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Air dan Tenaga Malaysia (WECAM), S Piarapakaran, berkata krisis air bakal dihadapi warga Lembah Klang dua tahun dari sekarang tidak boleh dipandang ringan.

Katanya, pertambahan penduduk dan pengguna in-



PENDUDUK Lembah Klang bakal hadapi masalah bekalan air serius jika tiada usaha menambah su-

dustri komersial menggalakkan permintaan bekalan air terawat.


"Oleh itu, projek membabitkan bekalan air mentah seperti Projek Bekalan Air Mentah Pahang-Selangor mesti diteruskan jika kita mahu menampung peningkatan permintaan bekalan air," kata Piarapakaran ketika dihubungi, baru-baru ini.

Selain itu, beliau mendedahkan pembekuan sementara waktu penyelenggaraan dan penggantian paip lama di Lembah Klang turut merugikan pengguna. Kebanyakan usia paip berpuluh tahun lamanya. Paip lama itu mengugut kualiti bekalan air sedangkan kualiti air berada pada tahap terbaik ketika disalurkan dari loji rawatan.

"Sebagai seorang jurutera, saya berasakan ini tidak wajar. Terdapat bukti dalam sistem operasi bekalan air, tindakan sebegini akan meningkatkan Air Tidak Terhasil (Non Revenue Water). NRW terjadi akibat kebocoran dan kehilangan air. Ini bermakna jika projek atau proses penyelenggaraan tidak dilakukan, Lembah Klang akan mengalami masalah tidak cukup air," katanya.

Selangor mencatat NRW sebanyak 32.9 peratus dan antara yang tertinggi di Semenanjung. Ini satu pembaziran bukan saja sumber malah kos operasi. Pelbagai faktor sampingan menyumbang berlakunya NRW seperti kecurian air, pemasangan paip air tanpa meter, kebocoran sebelum meter dan sebagainya. Semua ini perlu difikirkan syarikat pembekal air.

Setakat ini, kapasiti penghasilan air terawat di Selangor berjumlah 4,326 juta liter sehari. Menjelang 2012, unjuran peningkatan permintaan bekalan air terawat dianggarkan 4,625 juta liter sehari. Terdapat pertambahan permintaan sebanyak 299 juta liter atau 6.9 peratus. Oleh itu, syarikat atau agensi pembekal air terbabit perlu mempunyai simpanan bukannya defisit menjelang 2012. Beberapa projek kecil dilaksanakan kerajaan untuk mengatasi masalah defisit. Malangnya, menjelang 2014 langkah kecil ini tidak dapat menampung peningkatan permintaan mendadak.



KEJADIAN paip bawah tanah pe-

na' besar di Lembah Klang

25 OCT 2010

AKIS 18

ka tidak mahu rakyat tanggung beban menjelang 2014



Sumber seperti perancangan Projek Bekalan Air Mentah Pahang-Selangor.



cah mengakibatkan kemalangan dan antara punca bekalan terganggu di kawasan itu.

“Setakat ini, kapasiti penghasilan air terawat di Selangor berjumlah 4,326 juta liter sehari. Menjelang 2012, unjuran peningkatan permintaan bekalan air terawat dianggarkan 4,625 juta liter sehari. Terdapat pertambahan permintaan sebanyak 299 juta liter atau 6.9 peratus. Oleh itu, syarikat atau agensi pembekal air terbabit perlu mempunyai simpanan bukannya defisit menjelang 2012. Beberapa projek kecil dilaksanakan kerajaan untuk mengatasi masalah defisit. Malangnya, menjelang 2014.

“Kerajaan berusaha memastikan bekalan air tidak putus menjelang 2014. Malangnya, ia dipersenda Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, yang yakin dengan fakta lain mengatakan simpanan air mampu bertahan sehingga 2019. Jika pendirian beliau tidak berubah rakyat di Selangor dan Kuala Lumpur bakal menerima padah.

Sumber air dari Sungai Selangor dituai hasilnya sehingga mencecah paras tertinggi. Begitu juga sumber sungai lain dan ia tidak boleh dikerah lagi kerana jika diteruskan pasti menjejaskan sistem ekologi. Keadaan pasti bertambah buruk kerana hidupan sungai seperti ikan pasti mati sekali gus merosakkan keseluruhan sungai kerana dipenuhi bangkai.

Seharusnya Selangor belajar daripada pengalaman Melaka yang pernah berdepan krisis air terburuk pada 1991. Selama tiga bulan penduduk negeri dan industri tergugat kerana bekalan air putus secara mendadak. Perkara ini tidak mustahil boleh berlaku di Selangor. Terputusnya bekalan air pasti menjejaskan banyak kilang serta industri lain akan lumpuh. Air adalah hak asasi. Jika projek dan penstrukturan dilengahkan lagi maka penduduk Lembah Klang bakal dicatu air menjelang 2015.

Krisis air Melaka juga menjadi pembuka minda kerajaan untuk meletakkan perkhidmatan air di bawah satu pengurusan sehingga pindaan dibuat terhadap Perlembagaan Persekutuan. Menerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), perkhidmatan air negara bakal mengalami satu transformasi tetapi adakah ia akan terlaksana menjelang 2050?

Bagi memastikan perkara ini dapat dilaksanakan memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Agensi dan jabatan terbabit perlu duduk semeja untuk membincangkan satu mekanisme terbaik untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang dilihat dapat diselesaikan sekalipun terpaksa berhempas pulas.